

SULIT\*

UNITPENILAIANDANPEPERIKSAANKOLEJTINGKATANENAMKOTAKINABALUUNITPENILAIANDANPEP  
 UNITPENILAIANDANPEPERIKSAANKOLEJTINGKATANENAMKOTAKINABALUUNITPENILAIANDANPEP  
 UNITPENILA 900/2 RIKSAANKOLEJTINGKATANENAMKOTAKINABALI STPM 2020 EP  
 UNITPENILA RIKSAANKOLEJTINGKATANENAMKOTAKINABALI STPM 2020 EP  
 UNITPENILAIANDANPEPERIKSAANKOLEJTINGKATANENAMKOTAKINABALUUNITPENILAIANDANPEP  
 UNITPENILAIANDANPEPERIKSAANKOLEJI PENGAJIAN AM UNITPENILAIANDANPEP  
 UNITPENILAIANDANPEPERIKSAANKOLEJI UNITPENILAIANDANPEP  
 UNITPENILAIANDANPEPERIKSAANKOLEJTINGKATANENAMKOTAKINABALUUNITPENILAIANDANPEP  
 UNITPENILAIANDANPEP1 PEPERIKSAAN PERCUBAAN IANDANPEP  
 UNITPENILAIANDANPEP1 IANDANPEP  
 UNITPENILAIANDANPEP1 STPM SEMESTER 2 IANDANPEP  
 UNITPENILAIANDANPEPERIKSAANKOLEJTINGKATANENAMKOTAKINABALUUNITPENILAIANDANPEP  
 UNITPENILAIANDANPEPERIKSAANKOLEJTIN KERTAS 2 INABALUUNITPENILAIANDANPEP  
 UNITPENILAIANDANPEPERIKSAANKOLEJTINGKATANENAMKOTAKINABALUUNITPENILAIANDANPEP  
 UNITPENILAIANDANPEPERIKSAANKOLEJ (Satu jam tiga puluh minit) UNITPENILAIANDANPEP  
 UNITPENILAIANDANPEPERIKSAANKOLEJTINGKATANENAMKOTAKINABALUUNITPENILAIANDANPEP

**UNIT PENGAJIAN AM  
 KOLEJ TINGKATAN ENAM KOTA KINABALU  
 2020**

**SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA  
 (MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)**

**Arahan kepada calon:**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA  
 DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.**

*Kertas ini mengandungi tiga bahagian, iaitu Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.*

*Calon dikehendaki menjawab semua soalan dalam Bahagian A dan satu dari Bahagian B dan C.*

*Mulakan setiap jawapan anda pada helaian kertas yang baharu dan susun jawapan mengikut tertib berangka. Ikat helaian jawapan anda bersama dengan kertas soalan ini.*

*Markah untuk setiap bahagian soalan dan soalan diberikan dalam tanda kurung [ ].*

Disediakan oleh:

.....  
 MOHD KHAIRI LEBAI AHMAD  
 GURU AKADEMIK PENGAJIAN AM  
 KOLEJ TINGKATAN ENAM KK

Disahkan oleh:

.....  
 NOOR FATHILAH JAAFAR  
 KETUA UNIT PENGAJIAN AM  
 KOLEJ TINGKATAN ENAM KK

Untuk kegunaan pemeriksa	
<b>BAHAGIAN A</b>	
1	
2	
3	
4	
<b>BAHAGIAN B</b>	
5	
6	
<b>BAHAGIAN C</b>	
7	
8	
Jumlah	

**Kertas soalan ini terdiri daripada 5 halaman bercetak**

© Unit Penilaian dan Peperiksaan Kolej Tingkatan Enam Kota Kinabalu 2020

**BAHAGIAN A [15 Markah]**

*Jawab semua soalan*

*Tulis jawapan dalam ruang yang disediakan.*

**1** Rukun Negara merupakan salah satu dasar sosial yang dibentuk oleh Majlis Perundingan Negara setelah berlakunya rusuhan kaum pada tahun 1969.

Terangkan **dua** kesan pembentukan Rukun Negara. [4]

(a) .....

.....

(b) .....

.....

**2** Huraikan **dua** bidang yang diberi tumpuan dalam Program Transformasi Ekonomi. [4]

(a) .....

.....

(b) .....

.....

**3** Berikan **tiga** objektif utama Dasar Pensyarikatan Malaysia. [3]

(a).....

(b).....

(c).....

**4** Terangkan **dua** dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. [4]

(a) .....

.....

(b) .....

.....

**BAHAGIAN B**

[20 Markah]

*Jawab satu soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf.*

5. Berdasarkan maklumat dalam petikan di bawah, sediakan **graf** yang sesuai untuk menunjukkan perangkaan projek perumahan negara yang sakit dan terbengkalai di negeri-negeri terpilih di Semenanjung Malaysia pada tahun 2008 hingga 2010.

Pelan transformasi kerajaan telah menggariskan Piagam Pembangunan Perumahan Negara untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat. Namun isu-isu sosioekonomi seperti status petempatan dan perumahan yang sering memberi masalah kepada rakyat.

Negeri Kedah mencatatkan projek sakit sebanyak 1,273 unit pada tahun 2008 berbanding projek terbengkalai sebanyak 1,192 unit pada tempoh yang sama. Projek sakit di Negeri Sembilan dan Pahang mencatatkan jumlah sebanyak 1,084 unit dan 1,036 unit pada tahun 2008. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan jumlah projek sakit pada tahun 2008 sebanyak 1,130 unit.

Projek terbengkalai yang dilaporkan pada tahun 2008 di Negeri Sembilan melebihi sebanyak 172 unit berbanding yang dicatatkan di negeri Pahang sebanyak 826 unit, manakala Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur paling tinggi berjumlah 1,903 unit. Pada tahun 2009 dan tahun 2010, projek sakit yang dilaporkan di negeri Kedah sebanyak 1,018 unit dan bertambah bilangan kepada 1,767 unit. Bagi kes projek terbengkalai pula di negeri Kedah pada tahun 2009 sebanyak 2,188 unit dan berkurang kepada 1,987 unit pada tahun 2010.

Negeri Sembilan mencatatkan projek terbengkalai paling tinggi pada tahun 2010 iaitu sebanyak 2,572 unit berbanding tahun 2009 yang berjumlah 1,815 unit. Jumlah projek sakit di Negeri Sembilan pula mencatat sebanyak 1,481 unit pada tahun 2009 dan bertambah kepada 2,167 unit tahun 2010. Pada tahun 2009, negeri Pahang mempunyai 2,020 unit projek sakit dan bertambah sedikit kepada 2,153 unit pada tahun berikutnya. Projek terbengkalai di negeri Pahang pada tahun 2009 dan tahun 2010 masing-masing berjumlah 1,997 unit dan 2,312 unit.

Banyak projek sakit dan terbengkalai berpunca daripada kurang koordinasi antara pihak pengurusan bangunan dan perumahan, pihak kerajaan negeri, pihak Berkuasa Tempatan, sikap dan kerenah pemaju yang kurang bertanggungjawab. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mempunyai banyak projek sakit dan pada tahun 2009 mencatatkan sebanyak 2,198 unit dan berkurang kepada 2,188 unit pada tahun 2010. Jumlah projek terbengkalai masih tinggi di Wilayah, yang mana pada tahun 2009 mencatat sebanyak 2,291 unit berbanding sebanyak 1,987 unit pada tahun 2010 yang berkurang sebanyak 304 unit

(Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada Laporan Jabatan Perumahan Negara 2008/2010)

6. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan carta yang sesuai untuk menunjukkan keluasan kawasan mengikut jenis tanaman dan negeri –negeri terpilih di bawah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) di Semenanjung Malaysia pada tahun 2015.

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) ditubuhkan untuk pembangunan tanah dan penempatan semula dengan objektif pembasmian kemiskinan melalui pelaksanaan pembangunan tanah melalui aktiviti pertanian, perindustrian dan sektor sosioekonomi yang komersial. Sehingga akhir tahun 2015, jumlah kawasan pertanian di negeri-negeri tersebut yang telah dimajukan adalah 816 575 hektar menunjukkan peningkatan sebanyak 25 468 hektar berbanding tahun 2014.

FELDA memberi tumpuan kepada beberapa jenis tanaman yang berfokuskan tanaman industri. Keluasan kawasan pertanian ini di tanam dengan tanaman utama iaitu kelapa sawit seluas 470 516 hektar. Sebanyak 288 407 hektar ditanam dengan getah iaitu 35.32% daripada jumlah keluasan kawasan pertanian yang telah dibuka. Tanaman ketiga terbanyak yang ditanam di kawasan pertanian FELDA adalah koko iaitu kurang sebanyak 263 367 hektar berbanding dengan keluasan tanaman getah. Jumlah keluasan tanaman nanas adalah sebanyak 20 352 hektar dan selebihnya adalah tanaman untuk tanaman kelapa yang menjadi komoditi baharu untuk meningkatkan pendapatan peneroka.

FELDA telah memajukan kawasan di semua negeri kecuali Pulau Pinang, Sarawak dan Wilayah Persekutuan. Walau bagaimanapun, FELDA telah memperluaskan aktiviti pembangunan tanah ke negeri Sarawak.

Sehingga akhir tahun 2015, 45.5% daripada kawasan pertanian yang dimajukan oleh FELDA adalah terletak di negeri Pahang. Selain itu keluasan kawasan tanaman di negeri Johor dan Negeri Sembilan masing-masing 254 749 hektar dan 116 772 hektar telah dimajukan dengan pelbagai aktiviti pertanian komersial. Manakala jumlah keluasan kawasan tanaman selebihnya terletak di negeri Perak.

Kini, FELDA terus menjalankan peranan untuk menjana pendapatan dengan melancarkan beberapa entiti korporat untuk memastikan rantai nilai yang lengkap aktiviti terasnya. Antara yang terbesar adalah koperasi Permodalan FELDA, FELDA Global Ventures (FGV) dan FELDA Investment Corporation (FIC).

( Disesuaikan daripada  
*Laporan Tahunan FELDA, 2015* )

**Bahagian C**

( 25 Markah)

*Pilih satu daripada tajuk yang di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.*

7. Membina negara Malaysia yang bersatu padu telah diletakkan sebagai cabaran pertama dalam Wawasan 2020. Bagi mengukuhkan bangsa Malaysia yang bersatu padu, kerajaan telah memperkenalkan ideology negara dan pelbagai dasar lain. Bincangkan

8. Walaupun aplikasi Sains dan Teknologi telah banyak membawa kemajuan dalam bidang pertanian namun masih ada golongan petani yang sukar menggunakannya. Bincangkan